

B605
MAHATHIR-DAKWAH
(1)

1980

BANGKOK, 25 OKT (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN CUMA MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS KUMPULAN-KUMPULAN AGAMA YANG TELAH MENYELEWENG DARI AJARAN ISLAM TULEN.

PERGERAKAN DAKWAH YANG BENAR TIDAK AKAN TERLIBAT, JELASNYA KEPADA PARA PEMBERITA MALAYSIA SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR DI AKHIR MESYUARAT KE-10 PARA MENTERI EKONOMI ASEAN DI SINI MALAM INI.

+KITA TERPAKSA MENELITI SEMUA AJARAN YANG DIBERI OLEH BERBAGAI-BAGAI PERGERAKAN DAKWAH DAN JIKA KITA DAPATI MEREKA TELAH MENYELEWENG, TINDAKAN AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA+, TAMBAHNYA.

+TIDAK SIAPA YANG BOLEH MENGHENTIKAN PERGERAKAN-PERGERAKAN DAKWAH TULEN DARI MENJALANKAN KEGIATAN MEREKA+, TEGASNYA.

DITANYA MENGENAI SIKAP KERAJAAN TERHADAP ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM), BELIAU BERKATA IA ADALAH SAMA DENGAN SIKAP KERAJAAN TERHADAP LAIN-LAIN PERTUBUHAN.
—BERSAMBUNG 0005/BY

B606
MAHATHIR-DAKWAH 2 BANGKOK

KATANYA, +JIKA IA TERKELUAR DARI LANDASAN MAKA KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MANA-MANA PERTUBUHAN.

+TETAPI JIKA IA BERGERAK DALAM LANDASAN UNDANG-UNDANG DAN JIKA IA MENJALANKAN GERAKAN DAKWAH YANG JUJUR YANG BERTUJUAN MENYEBARKAN AJARAN ISLAM, AJARAN TULEN ISLAM MAKA TIDAK SIAPAPUN YANG PERLU TAKUT TENTANG CAMPURTANGAN KERAJAAN.

+TETAPI JIKA MEREKA MENCAMPURADUK ISLAM DENGAN POLITIK DAN TERUTAMA APABILA IA MENGGUNA POLITIKNYA SENDIRI DAN DALAM PROSES ITU MEMUTARBELITKAN AJARAN ISLAM, MAKA KERAJAAN TERPAKSA BERBUAT SESUATU+, TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARLIMEN TIDAK PERLU MEMBUAT UNDANG-UNDANG BARU BAGI MENGAWAL KEGIATAN-KEGIATAN KUMPULAN-KUMPULAN YANG MENYELEWENG KERANA UNDANG-UNDANG YANG ADA SEKARANG ADALAH CUKUP. —BERNAMA 0015/BY